

SOALAN NO: 75

melebihi 50% daripada amaun denda maksimum bagi kesalahan yang dilakukan.

Setiap wang yang diterima susulan daripada tawaran kompaun ini pula akan dibayar dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

Berdasarkan kepada amaun kompaun tersebut, adalah mudah untuk rakyat beranggapan bahawa pihak Kerajaan mengambil ringan mengenai isu kualiti perkhidmatan ini. Oleh itu, sudah sampai masanya agar peruntukan undang-undang ini dapat dilihat kembali dan dipinda agar hukuman yang lebih berat boleh dikenakan kepada syarikat-syarikat telekomunikasi yang gagal patuh dan memandang sepi akan masalah yang dihadapi rakyat ini.